

PERASMIAN TAHUN SAINS DAN GERAKAN INOVASI NASIONAL 2012
09/04/2012

Yang Berhormat Datuk Seri Panglima
Dr. Maximus Johnity Ongkili
Menteri Sains Teknologi dan Inovasi

Yang Berhormat Datuk Haji Fadillah Haji Yusof
Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Inovasi

Ahli-ahli Yang Berhormat

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-Ketua Jabatan,

Tuan Yang Terutama Perwakilan Asing Ke Malaysia

Dif-Dif Kehormat, Dato'-Dato', Datin-Datin

Para Guru dan Ibu-Bapa, Para Belia dan Beliawanis

Tuan- tuan dan Puan-puan hadirin sekalian,

Assalamu'alaikum warahmatullahiwabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadirat Allah s.w.t kerana dengan limpah izin dan kurniaNya, kita dapat berhimpun pada malam ini di Majlis Perasmian Tahun Sains dan Gerakan Inovasi Nasional 2012.

2. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) kerana telah menjemput saya untuk bersama-sama rakyat Malaysia pada malam ini bagi meraikan Tahun Sains dan Gerakan Inovasi Nasional.

Hadirin yang dihormati,

3. Ibnu Umar R.A. berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda” Jadilah engkau di dunia ini seakan-akan orang asing atau pengembara”, Lalu Ibnu Umar R.A. berkata” Jika engkau telah berada di waktu petang, maka janganlah dinanti waktu pagi. Jika engkau di waktu pagi, maka janganlah dinanti waktu petang. Pergunakanlah waktu sihatmu sebelum sakit, dan waktu hidup sebelum mati”.

[Riwayat al-Bukhari 6416; dan al-Tirmizi 2333]

4. Hadith Rasulullah SAW ini memberi peringatan agar manusia, pada setiap saat dan masa, perlu meningkatkan keupayaan diri dengan ilmu dan amalan yang membawa kebaikan dan kesejahteraan diri dan masyarakat.

5. Dalam konteks ini, Kerajaan Barisan Nasional setiap masa berkerja keras dan komited

menjana pelbagai strategi, inisiatif dan program bertujuan memberi manfaat kepada setiap Rakyat Malaysia agar dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa dan sejahtera.

6. Sehubungan ini, Tahun Sains dan Gerakan Inovasi Nasional (SGI2012), yang akan dilancarkan malam ini, merupakan inisiatif penting bertujuan merealisasikan agenda transformasi Negara dan kesejahteraan Rakyat, khususnya ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020.

7. Dalam konteks Tahun Sains dan Gerakan Inovasi Nasional 2012 ini, penekanan utama adalah untuk meningkatkan transformasi ilmu dan pengetahuan kepada produk, proses, perkhidmatan atau penyelesaian bagi meningkatkan nilai tambah dalam setiap sektor bagi memaksimumkan faedah sosio-ekonomi kepada seluruh rakyat.

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Kerajaan Barisan Nasional sentiasa komited dalam memupuk dan membentuk sebuah masyarakat yang membudayakan sains, teknologi dan inovasi, yang merupakan elemen penting dalam pembangunan negara di era kecanggihan sains, teknologi dan inovasi. Dengan menjana modal insan yang berkemampuan dan mampu menguasai bidang sains dan teknologi, Malaysia berupaya menjadi sebuah negara maju berlandaskan pembangunan sains dan teknologi.

Para Hadirin Sekalian,

9. Menyedari hakikat bahawa ekosistem dan persekitaran inovasi, khususnya penyelidikan dan pembangunan, adalah amat kritikal dalam menghasilkan produk-produk inovatif, Kerajaan Barisan Nasional sentiasa mengutamakan pelaburan di dalam R&D. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), Kerajaan Barisan Nasional, melalui MOSTI, telah memperuntukkan sebanyak RM2.2 bilion bagi dana penyelidikan dan pembangunan (R&D). Ini merupakan peningkatan sebanyak 27.3% dari RM1.6 bilion yang diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-8 (RMKe-8).

10. Dana-dana R&D tersebut dibuka kepada syarikat-syarikat SME, Institusi Penyelidikan, dan Institusi Pengajian Tinggi meliputi sektor ICT, Bioteknologi, Industri, Teras Sains dan Teknologi dan Sea to Space.

11. Saya juga dimaklumkan bahawa bagi tempoh empat (4) tahun kebelakangan ini (2008 sehingga 2011), sebanyak 13,213 permohonan dana R,D&C berjumlah RM7.34 bilion telah diterima, dan sejumlah RM1.59 bilion telah diluluskan untuk membiayai 2,029 projek. Saya merasa bangga kerana produk hasil penyelidikan ini juga telah mendapat pasaran yang menggalakkan. Sehingga kini, sebanyak 310 produk daripada 1,862 (16.65%) projek R&D di bawah geran MOSTI telah berjaya dipasarkan di Malaysia dan di luar negeri.

12. Selain pemberian geran, Kerajaan juga menyokong peningkatan keupayaan R&D negara melalui pembangunan modal insan dalam bidang penyelidikan. Ini terbukti dari skim-skim biasiswa yang ditawarkan di bawah Program Pembangunan Modal Insan (HCD STI) .

13. Skim biasiswa ini antaranya adalah Skim Biasiswa National Science Fellowship (NSF), Skim Biasiswa Penyelidikan Pasca Siswazah Universiti (PGD), dan Skim Biasiswa Penyelidikan Gunaan Pasca Siswazah bagi Pegawai Dalam Perkhidmatan (LDP). Dari tahun 2005 hingga 2010, seramai 1,938 pelajar telah ditaja di bawah skim-skim ini dan melibatkan

peruntukan Kerajaan sebanyak RM182.5 juta.

14. Selain itu, di bawah Skim Penyelidikan Pasca Doktor (PDF), Kerajaan turut menyediakan pembiayaan sebanyak RM9.44 juta kepada 18 institut penyelidikan awam dan Institut Pengajian Tinggi Awam dalam usaha pengukuhan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang-bidang keutamaan negara.

15. MOSTI juga menjalankan Program Brain Gain Malaysia bagi pembangunan modal insan negara. Program ini menggunakan strategi di mana penyelidik, saintis, jurutera dan teknologis (RSET) di luar negara dibawa ke Malaysia untuk tempoh masa tertentu bagi menjalankan kolaborasi penyelidikan dan pembangunan (P&P) dengan institusi pengajian tinggi / institut penyelidikan / industri tempatan. Bagi RMKe-9, Program Brain Gain Malaysia yang tamat ini telah melibatkan sejumlah peruntukan sebanyak RM36.06 juta, yang telah memberi manfaat kepada 26 institusi pengajian tinggi (IPT) dan institut penyelidikan awam (GRI) serta 4,221 penyelidik dan saintis melalui pemindahan ilmu pengetahuan serta kaedah saintifik baru dalam bidang sains, teknologi dan inovasi (STI).

Para hadirin yang dihormati sekalian,

16. Pengukuhan penyelidikan, pembangunan dan inovasi perlu disokong dengan penambahbaikan dasar, peraturan dan insentif. Sehubungan ini, Kerajaan, melalui MOSTI, sedang menerajui penggubalan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi; Akta Sains dan Peta Pandu (Roadmap) Modal Insan S&T. Ianya merangkumi strategi dan peta pandu mengenai kaedah terbaik untuk meningkatkan daya saing produk keluaran tempatan dengan memanfaatkan teknologi dan inovasi global.

17. Saya percaya dokumen-dokumen ini akan menjadi blue print kepada pengukuhan ekosistem dan persekitaran sains dan teknologi yang lebih kondusif serta membolehkan Kerajaan terus menangani secara berkesan isu-isu kritikal seperti pembangunan modal insan, meningkatkan bilangan penyelidik, kemajuan kerjaya dalam bidang sains, pertumbuhan pelaburan R&D dan pengukuhan tahap inovasi di dalam negara.

18. Bagi memastikan dasar dan pelan strategi dilaksana dengan lebih mantap, Kerajaan Barisan Nasional telah menubuhkan beberapa agensi berkaitan, terutamanya:

i. Majlis Sains dan Penyelidikan Negara, bertujuan mengenalpasti bidang keutamaan sains dan penyelidikan negara. Sehingga kini, bidang yang telah dikenalpasti merangkumi keselamatan siber, sekuriti tenaga, alam sekitar dan perubahan iklim, sekuriti makanan, perubatan dan penjagaan kesihatan, tanaman ladang dan komoditi, pengangkutan dan urbanisasi serta sekuriti air.

ii. Agensi Inovasi Malaysia (AIM) yang telah berjaya menggerakkan program inovasi diseluruh negara.

iii. Jawatankuasa Pelaburan Dana Awam bertujuan menambah baik landskap dan mekanisme pelaburan dalam R&D, bagi mencetuskan inovasi dan memastikan pulangan yang setimpal.

19. Selaras dengan hasrat Kerajaan bagi menggalakkan lagi perkembangan pusat-pusat penyelidikan dan inovasi yang bertaraf antarabangsa, National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM) telah diwujudkan. Penubuhan NIBM merupakan langkah strategik kearah

mewujudkan satu kelompok institut penyelidikan yang ditadbir urus secara berpusat yang memberi penekanan khusus kepada program penyelidikan dan pembangunan komersil bagi memastikan penyaluran hasil penyelidikan secara pantas kepada entiti dan industri tempatan dan global.

20. Baru-baru ini, melalui mesyuarat Majlis Inovasi Negara, Kerajaan telah menyarankan supaya pendekatan yang lebih inovatif diambil dalam menggunakan produk/tanaman bukan tempatan (non-indigenous) untuk diusahakan di Malaysia. Pengalaman kita dengan kejayaan penanaman kelapa sawit dan getah yang bukan berasal dari tanaman tempatan, misalnya, boleh menjadi contoh ke arah ini. Sehubungan ini, saya berharap NIBM dapat memainkan peranan bersama Kementerian berkaitan untuk menyusul segera saranan Kerajaan mengenai perkara ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

21. Kemudahan pembiayaan merupakan mekanisme penting bagi syarikat-syarikat, khususnya perusahaan kecil dan sederhana (PKS), mengkomersilkan produk penyelidikan. Oleh itu, saya hargai inisiatif institusi pembiayaan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan bagi membantu meningkatkan keupayaan sektor swasta tempatan, terutamanya:

i. Dana Inovasi Pengkomersilan patuh syariah bagi membiayai syarikat tempatan khususnya PKS, di mana produknya telah menjalani proses pengesahan pengkomersilan pasaran, bagi mengukuhkan keupayaan dalam memulakan perniagaan produk penyelidikan baharu dan pengkomersilan.

ii. penyediaan Market Validation Fund bertujuan memastikan bahawa hanya hasil R&D yang berpotensi dan mempunyai daya pasaran yang tinggi sahaja dimajukan sebelum dikomersilkan melalui penyelidikan pasaran.

22. Disamping itu, saya juga berharap Institusi-institusi Modal Teroka (Venture Capitalists) dapat memberi sokongan yang lebih banyak dan luas khususnya bagi pembiayaan teknologi-teknologi baru, serta terus berperanan aktif dalam mewujudkan rangkaian strategik yang menghubungkan syarikat-syarikat pengeluar dengan pembekal, pembeli-pembeli dan para pelabur.

23. Bagi melengkapkan eko-sistem pengkomersilan hasil penyelidikan sains dan inovasi, pengurusan dan penyelarasan Harta intelek (IP) adalah amat penting. Saya berharap Harta intelek (IP) yang telah dibangunkan daripada R&D dapat diselaraskan melalui satu pangkalan data bagi memudahkan jaringan kerja diantara syarikat swasta dengan institusi penyelidikan. Penyelarasan ini pastinya mempercepatkan lagi proses pemerolehan IP, dan seterusnya proses mengangkat hasil penyelidikan ke pasaran.

24. Bagi mencapai impak yang besar dalam usaha menyuburkan inovasi, jalinan dan jaringan kerja strategik adalah amat penting. Saya berharap usahawan tempatan akan mengambil kesempatan menyertai Asia Business Angel Forum, anjuran Kementerian Kewangan, yang akan diadakan pada bulan Mei, dan World Innovation Forum-Kuala Lumpur, anjuran MOSTI, pada bulan November tahun ini, dan memanfaatkan sepenuhnya peluang bertemu pelabur dan pembiaya serantau dan seluruh dunia bagi menjana peluang pelaburan dan jaringan inovasi global.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

25. Golongan belia, di Malaysia merupakan kumpulan yang dinamik, bertenaga, inovatif dan kreatif dan ini merupakan ramuan penting dalam bidang pembangunan sains, teknologi dan inovasi. Malam ini saya merasa begitu teruja dengan kehadiran begitu ramai anak-anak muda di Majlis ini. Ia jelas mencerminkan minat dan ketinggian komitmen golongan belia dan beliawanis dalam usaha merealisasikan agenda transformasi negara.

26. Memandangkan media sosial merupakan gelanggang dan platform bagi anak-anak muda berinteraksi, maka adalah amat baik jika sebuah sistem sosial media yang diurus dan ditadbirkan di bawah Tahun Sains dan Gerakan Inovasi diwujudkan untuk tujuan penyebaran budaya sains dan inovasi. Saya dimaklumkan bahawa sistem media sosial, berpotensi menembusi lebih dari 17 juta kumpulan sasar Gerakan Inovasi, kebanyakannya terdiri dari anak-anak muda yang 80% adalah di bawah umur 40 tahun. Ini akan memberi impak yang begitu besar kepada usaha membudayakan sains, kreativiti dan inovasi dikalangan rakyat dan melahirkan warga Malaysia yang inovatif.

27. Dalam masa yang sama, bagi memupuk dan mendorong minat anak-anak muda dan warga Malaysia menyumbang idea-idea terbaik bagi menggalakkan inovasi, Kerajaan telah menyediakan pelbagai pengiktirafan. Setakat ini, pelbagai pengiktirafan di dalam bentuk anugerah telah diperkenalkan, termasuklah Anugerah Inovasi Negara, Anugerah Inovasi Perdana Menteri, Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam, Anugerah Saintis Muda Negara dan Anugerah Cipta 1Malaysia (C1PTA).

Tuan-tuan dan Puan-puan,

28. Pengisytiharan Tahun Sains dan Gerakan Inovasi Nasional bertemakan “Sains dan Inovasi Pemacu Transformasi” akan melonjakkan lagi agenda transformasi dan inovasi negara bukan sahaja dikalangan masyarakat bandar tetapi masyarakat akar umbi. Saya difahamkan bahawa MOSTI dengan kerjasama Yayasan Inovasi Malaysia serta rakan strategik yang lain telah melipat-ganda inisiatif untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat akar umbi melalui program-program touch-points Jejak Inovasi dan TAPMOSTI@Community.

29. Peranan sains dan teknologi merupakan pemangkin dalam menambah nilai hasil inovasi akar umbi agar ia dapat dikomersilkan. Sehubungan itu, Kerajaan Barisan Nasional telah menubuhkan sebuah Task Force Inovasi Inklusif, yang diterajui oleh MOSTI, akan memperincikan kaedah pelaksanaan inovasi inklusif secara sistematik dan berterusan bagi manfaat sepenuhnya masyarakat akar umbi diseluruh negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

30. Proses pembudayaan mengambil masa yang panjang dan berterusan. Begitu jugalah dengan pembudayaan sains dan inovasi. Dengan yang demikian itu, usaha berterusan perlu diambil untuk menanam, membaja dan menyiram minat dan rasa suka (passion) terhadap sains, teknologi dan inovasi. Saya berharap semua pihak termasuk Kementerian dan agensi Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan dan sektor swasta dapat menyokong sepenuhnya Program Tahun Sains dan Gerakan Inovasi Nasional 2012.

31. Dengan harapan itu, sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada MOSTI

selaku peneraju Program Tahun Sains dan Gerakan Inovasi Nasional 2012 atas kejayaan menganjurkan program ini. Kepada seluruh rakyat Malaysia, semarakkanlah budaya sains dan inovasi dan jadikanlah ia sebagai amalan hidup seharian kita. Sains dan Inovasi Pemacu Transformasi!

Dengan lafaz Bismillah-ir Rahman-ir Rahim, saya merasmikan Tahun Sains dan Gerakan Inovasi Nasional 2012.

Sekian, terima kasih.